

**Pemuda Umno Lembah Pantai Nafi Cetus Kekecohan Pada Ceramah PKR  
Bernama  
26 Mei, 2012**

KUALA LUMPUR, 26 Mei (Bernama) -- Pemuda Umno Lembah Pantai hari ini menolak dakwaan kononnya mereka pencetus kekecohan pada satu ceramah Parti Keadilan Rakyat (PKR) di Pantai Dalam pada Khamis lepas.

Ketuanya, Datuk Mohamad Sazali Kamilan berkata kekecohan berlaku setelah Penasihat PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim memberi ucapan berbentuk provokasi terhadap Pemuda Umno namun tidak pasti siapa yang memulakan insiden itu.

"Siapa-siapa pun boleh dakwa tapi keadaan pada malam itu gelap, kita tidak boleh nak kata siapa yang mulakan" katanya dalam sidang media di sini hari ini.

Beliau menyifatkan tuduhan mengatakan Pemuda Umno sebagai pencetus kekecohan adalah berniat jahat kerana anggota Umno juga turut cedera dalam insiden itu.

"Ada anggota Pemuda Umno yang cedera kerana terkena lontaran batu, namun kita tidak pula mengatakan penyokong pembangkang sebagai punca kejadian," katanya.

Kekecohan berlaku pada ceramah tersebut yang diadakan berhampiran Apartment Pantai Permai dan pemimpin PKR dilaporkan menuduh ia dicituskan oleh anggota Pemuda Umno.

Di PUTRAJAYA, Ketua Pemuda Umno Malaysia, Khairy Jamaluddin Abu Bakar yang ditemui ketika menghadiri pertandingan pasukan sorak sempena sambutan Hari Belia Negara hari ini berkata beliau memandang serius tuduhan tersebut.

Katanya, tuduhan sedang disiasat kerana tidak mudah mengenalpasti individu yang memulakan kekecohan kerana adanya provokasi.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=668849>